

85 warga Jabatan Perhutanan derma darah

KUALA LUMPUR 11 Jan. - Seramai 85 warga kerja Ibu pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) menderma darah dalam Kempen Sehari Derma Darah 2018 anjuran Persatuan Kebajikan dan Sukan IPJPSM dengan kerjasama Pusat Darah Negara (PDN) di sini hari ini.

Kempen yang diadakan di Dewan Damar Minyak di sini bermula pukul 10.30 pagi hingga 4 petang itu turut mendapat sokongan Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Operasi), Datuk Roslan Ariffin dan Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan, Datuk

Mohd. Ridza Awang yang turut bersama-sama turun padang menderma darah.

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Nor Akharrudin Mahmud berkata, kempen ini diadakan dengan kesedaran untuk membantu PDN mengisi tabung darah negara yang kini berada pada paras membimbangkan.

"Bekalan darah yang diperlukan kini semakin meningkat, sehingga sekarang-kurangnya 500 unit darah sehari.

"Kempen sebegini hukan sahaja mampu meningkatkan bekalan darah di PDN, malah mampu

meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat, khususnya warga kerja IPJPSM tentang kepentingan menderma darah," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

PDN menjangkakan bekalan darah sepanjang bulan Januari dan Februari ini berada pada tahap membimbangkan ekoran kekerapan cuti umum.

"Kita menyambut tiga perayaan dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini, iaitu Sambutan Tahun Baharu pada 1 Januari, perayaan Thaipusam (31 Januari) dan Tahun Baharu Cina (16 Februari dan 17 Februari)," katanya.



ROSLAN ARIFFIN menderma darah dalam Kempen Sehari Derma Darah 2018 anjuran Persatuan Kebajikan dan Sukan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di Pusat Darah Negara, Kuala Lumpur, semalam.